

PM zahir komitmen bantu umat Islam di Peru

Lima, Peru: Malaysia menzahirkan komitmen untuk membantu pembangunan umat Islam di Peru, termasuk memudahkan urusan pensijilan halal.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata perkara itu dinyatakan beliau dalam pertemuan bersama Persatuan Islam Peru, di sini.

“Alhamdulillah, diberi kesempatan untuk bertemu dan mengadakan perbincangan

bersama Persatuan Islam Peru diketuai Presidennya, Murad Hamida.

“Dalam pertemuan ini, kami membincangkan soal pembangunan umat Islam di Peru.

“Turut dibangkitkan komitmen Malaysia dalam memudahkan urusan pensijilan halal serta membantu pendidikan Islam dan dakwah dalam kalangan komuniti Islam di Peru,” katanya menerusi perkongsian di

media sosial.

Mengulas lanjut, menurut Anwar, dalam pertemuan kira-kira 30 minit itu, Persatuan Islam Peru turut memuji usaha Malaysia yang sentiasa di depan dalam memperjuang nasib saudara Islam di Palestin dan Lubnan yang ditindas rejim Zionis Israel.

Pada masa sama, Perdana Menteri turut menyampaikan sumbangan kepada masyarakat

Islam di Peru, selain menyerahkan 50 naskah Al-Quran cetakan khas dan terjemahan dalam bahasa Sepanyol.

Ketika sidang media bersama Presiden Peru, Dina Ercilia Boluarte Zegarra selepas mesyuarat dua hala kelmarin, Anwar dilaporkan berkata, Malaysia bercadang membangunkan zon ekonomi halal di Peru dalam usaha menembusi pasaran Amerika Latin.

Katanya, Pelabuhan Chanca di republik itu boleh dimanfaatkan sebagai laluan strategik untuk mengeksport produk hala negara.

Masyarakat Islam di Peru kini kebanyakannya keturunan Syria, Lubnan, dan Palestin, dengan jumlah seramai 5,000 orang atau hanya 0.015 peratus daripada jumlah penduduk seramai 32.5 juta. Kebanyakan mereka tinggal di ibu kota, Lima.